

PANDUAN PENGENDALIAN KURSUS INTENSIF BACALAH ANAKKU

untuk rujukan dan
digunakan oleh perunding
ReadNetwork Sahaja

1. Pengenalan

a. Terima kasih dan mulakan dengan ungkapan

‘Literasi Bukanlah Satu Anugerah Tetapi Ia adalah hak setiap kanak-kanak’

b. Selepas beri bunga,

- i. Tetapkan nama kumpulan
- ii. Peserta pilih nombor dlm kumpulan
- iii. Lantik No 1 sebagai ketua
- iv. Lantik No 2 sebagai pencatat markah - lukis gambar beg

c. Kongsi idea whole-brain teaching (WB)

- i. Kelas - Ya Cikgu
- ii. Cari kawan - Ajar Kawan - Baik Cikgu
- iii. Praktis “Peraturan 1 - Angkat tangan untuk jawab”

WB - Dapat markah sebut
“Yea Seronoknya”

2. Mengenai fonik

a. Bincang kaedah-kaedah mengajar membaca

1. Kaedah mengeja
2. Kaedah sukukata

b. Bincang mengenai fonik

- i. apa makna bunyi dalam bahasa Melayu
- ii. tunjuk contoh bunyi dalam perkataan ‘Ani’ ‘Abang’
- iii. simpulkan - perkataan terbina daripada bunyi
- iv. terangkan maksud bunyi dalam bahasa pertuturan
- v. tunjukkan bunyi diwakili oleh simbol

c. Bincang strategi mengajar fonik gabung-bunyi Bacalah Anakku

- i. Strategi 1 - Ajar bunyi sahaja
 - Tak perlu ajar ABC
 - Tak perlu tahu ABC
 - Kajian Prof Diane McGuiness “ Reading is the first roadblock to reading “

- ii. Strategy 2 - Jangan campur aduk bunyi dan nama huruf
 - Kajian Robert Logan “ Teaching ABC is meaningless for small children”

- iii. Strategi 3 - Ajar gabung-bunyi untuk membaca

- n + a
- b+a+n
- tidak perlu mengeja-eja
- tidak perlu menghafal pola ejaan

- iv. Ajar ABC kemudian - setelah lancar membaca

d. Kebaikan fonik

- i. mudah (m+a jadi ma)
- ii. cepat (28-30 bunyi sahaja , selepas 8 bunyi boleh membaca)
- iii. usia awal (seawal 3 tahun , jadi 8-9 patut boleh juga)
- iv. lancar (baca perkataan panjang)
- v. boleh menulis
- vi. boleh membaca Bahasa Inggeris

3. Latihan 1 - Ajar Sebut Bunyi

- a. Guru perlu tahu sebut bunyi dengan betul
- b. Bunyi yang paling kecil
- c. Ajar bunyi dengan melihat kedudukan mulut - bibir, giri, lidah

d. bunyi a,i,u

- i. sebut bunyi dulu semuanya
- ii. WB - Ajar kawan
- iii. Tunjuk aksi bagi bunyi a,i,u

e. bunyi n, b, m , s, k

- i. sebut bunyi dan aksi untuk semua
- ii. ulang semua bunyi
- iii. WB - ajar kawan (s)

f. bunyi t,y, c,p

- i. sebut bunyi dan aksi untuk semua
- ii. ulang semua bunyi
- iii. WB - ajar kawan (p) tambah tepuk tangan

g. bunyi d, g, l ,r (ulang langkah - WB bunyi 'g')

h. bunyi h,j, w, f, z (WB bunyi 'z')

i. bunyi e,e, o (e biru)

j. diagraf ng, ny, sy, kh (2 huruf sebagai satu simbol mewakili satu bunyi)

Aktiviti 1

Semak sebutan rakan . Rujuk Muka surat 4

Aktiviti 2

Semak peserta sebut 4 bunyi yang ditunjukkan di skrin LCD

4. Teknik Mengajar

a. Tekni 1 - Ajar satu bunyi

i. Perkenalkan bunyi (Berdasarkan Slides)

- demo
- rumusan langkah yang dibuat
- Aktiviti 3 - praktikal (Pax No 4) dengan bantuan 'Guru Besar'
- Aktiviti 4 - praktikal (Pax No 5) tanpa bantuan

* Ajar bunyi berdasarkan kad yang diberikan di atas meja

ii. Sebut bunyi bersama aksi

- demo
- minta guru ikut
- Aktiviti 5 - praktikal (Pax No 6) ajar langkah sebut bunyi + aksi

iii. Tunjukkan simbol

- demo
- Aktiviti 6 - praktikal (Pax No 7) tunjuk simbol mengikut langkah dan dialog yang ditunjukkan.

iv. Aktiviti 7 - Posting ke tempat lain

Pax No 1 akan diberi tugas mengajar langkah 1-3 kepada kumpulan lain

* Guna kad yang diajar dalam kumpulan tadi

Aktiviti 3 + 4

Peranan Konsultan / Trainer

- Minta guru dengar arahan Guru Besar
- Supervise langkah yang dibuat oleh guru
- Bantu guru guna istilah yang betul

Aktiviti 5

Peranan Konsultan / Trainer

- Pastikan guru buat aksi yang betul dulu baru minta pelajar buat
- Ulang sebut bunyi diseling sili dengan buat aksi sambil sebut bunyi

Aktiviti 6

Peranan Konsultan / Trainer

- Pastikan guru tunjuk simbol dan perkenalkan bunyi
- Minta guru ulang sambil sebut aksi
- Bantu guru guna istilah yang betul .. " Ini bunyi.."

Aktiviti 7

Peranan Konsultan / Trainer

- Perhatikan (jangan tegur) guru mengajar mengikut langkah 1. perkenal bunyi 2. sebut bunyi + aksi, 3. tunjuk bunyi
- Tegur jika mereka mula dengan tunjuk simbol
- Setelah tamat langkah minta murid (guru lain) beri markah

5. Mengajar simbol

Untuk mengecam dan mengenalpasti bentuk dan rupa huruf (bukan nama huruf)

- Tunjukkan kad huruf yang besar (kad abu ada ayam)
- Sentuh kad huruf berpasir

Aktiviti 8 - Pax No 2 - Seorang guru akan tunjuk ajar cara sentuh kad huruf berpasir kepada rakan lain . Kad disediakan di atas meja

- Main plastisin (demo sahaja)
- Menulis
 - finger painting (tunjuk sampel)

Aktiviti 9 - Pax No 3 - menulis huruf di atas kertas A4 .

6. Menyanyi Lagu Abu Ada Ayam

7. Bermain sambil belajar

Pax No 3 dari kumpulan A, B, C , D sahaja untuk bermain 'Memori Game'

8. Mengajar Gabung Bunyi

- gabung bunyi secara lisan
- tunjukkan konsep kawan - kad bergerak
 - dengar guru
 - ikut sama-sama
 - guru gerak kad sahaja
- Aktiviti 10 - Pax No 4 - Guru praktikkan 3 langkah asas mengikut arahan 'Guru Besar'
- Aktiviti 11 - Buat Carta poket

Aktiviti 11

Peranan Konsultan / Trainer

- Bantu mereka buat satu lakaran karektor kartun
- tampal dan selotape plastik dalam lakaran menjadi carta poket.

Aktiviti 8

Peranan Konsultan / Trainer

- Pastikan guru sentuh kad huruf tersebut mengikut cara huruf itu ditulis

Aktiviti 9

Peranan Konsultan / Trainer

- Beri markah jika guru tulis dengan betul huruf tersebut (berdasarkan bunyi yang disebut oleh penyampai)
- Tiada markah jika tulis 2 kali atau salah tulis

Aktiviti 10

Peranan Konsultan / Trainer

- Bantu mereka memulakan jarak kad yang sesuai dan menggerakkan dengan selari dan sekata
- Minta mereka rapatkan kad dan ulang sebut 's' kawan 'a' jadi 'sa'

e. Buat aktiviti asas (praktikal) gabung bunyi

Aktiviti 12 - Pax No 5 - potong kad putih , 4 keping semuanya dan tulis 'm' 'a' 'i' 'u' setiap satu

Buat aktiviti Lihat dan Buat
Buat aktiviti Dengar dan Buat

f. Belajar sambil bermain - gabung bunyi

Aktiviti 13 - Setiap orang dalam kumpulan potong 4 keping kad dan tulis huruf s,a,i,u setiap satu

Bermain dalam kumpulan dengan mengikut arahan Guru Besar

1. setiap guru ada kad 's' dan kad lain (a,i,u) di tengah meja secara terbuka

- main gabungan sa, si, su

2. Setiap kad a,i,u diterbalikkan (tidak dapat lihat huruf) di tengah meja

- ulang mainan gabungan sa, si , su

3. Semua kad s,a,i,u diterbalikkan di tengah meja

- ulang mainan gabungan sa, si, su

Aktiviti 14 - Pax No 6

Bermain membina perkataan (guna pocket chart besar)

9. Mengajar Membina Perkataan - Mengeja dan Menulis

10. Mengajar Akhiran

Aktiviti 15 - Pax No 7

11. Mengajar Rantaian Bunyi

Aktiviti 12

Peranan Konsultan / Trainer

- Pastikan setiap peserta ada 4 keping kad yang telah dipotong dan dituliskan huruf m,a,i,u
- Pastikan kad disusun di hadapan guru atas meja
- Beri markah kepada guru yang paling cepat bina gabungan dalam carta poketnya
- Pastikan kad dikeluarkan sebelum gabungan baru dibuat dan guru tidak pegang kad di tangannya

Aktiviti 13

Peranan Konsultan / Trainer

- Pastikan mereka menggabung kad dengan betul
- Minta mereka letak balik kad a,i,u yang telah diambil ke tengah meja semula